

**Transformasi menakjubkan
Utusan Online
November 19, 2011**

KUALA LUMPUR 18 Nov. - Negara-negara Asia Pasifik termasuk Malaysia didapati mengalami perubahan menakjubkan dalam pembangunan sumber tenaga pada waktu ini berbanding 30 tahun lalu, menurut Exxon Mobil Corporation (ExxonMobil).

Firma itu berkata, pelbagai teknologi baharu telah digunakan di negara-negara Asia Pasifik seperti tenaga diperbaharui, nuklear, arang batu, minyak dan gas.

Penasihat Kanan Tenaga Jabatan Perancangan Strategik Korporat ExxonMobil, David S. Reed berkata, dua buah negara di Asia Pasifik iaitu Indonesia dan Australia dijangka meningkatkan eksport bahan api masing-masing yang baru diteroka.

Beliau memberitahu, ini kerana dua buah negara itu baru meneroka sepenuhnya sumber tenaga semulajadi yang terdapat di negara masing-masing.

Malah, semakin banyak negara di Asia Pasifik menyedari penerokaan sumber tenaga dengan penggunaan teknologi yang lebih canggih, sejajar dengan teknologi yang digunakan di negara-negara maju.

Katanya, beliau turut mengambil contoh China yang telah membangunkan teknologi nuklear bagi menggantikan bahan api semulajadi untuk menampung keperluan kritikal di negara tersebut.

Malah, katanya, India juga didapati menuju ke arah perubahan yang lebih baik dalam sumber tenaganya.

"Saya melihat perubahan yang dilakukan di negara-negara Asia Pasifik melibatkan penggunaan teknologi yang mengurangkan pencemaran dan lebih bersih kepada alam sekitar," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada sidang meja bulat ExxonMobil bersama media di sini baru-baru ini.

Tambah Reed, Asia Tenggara juga telah menunjukkan permintaan sumber tenaga yang tinggi pada waktu ini.

Jelasnya, ini kerana beberapa negara di Asia Tenggara mempunyai pasaran ekonomi yang matang termasuk Malaysia.

Permintaan sumber tenaga di Malaysia telah menunjukkan tiga kali ganda dalam tempoh 2005 hingga 2030.

Katanya, permintaan yang tinggi itu adalah bagi kegunaan kediaman, komersial, perindustrian, jana kuasa elektrik dan pengangkutan.

Tambah Reed, dunia dijangka mempunyai 1.2 bilion kenderaan menjelang 2030 berbanding 800 juta pada waktu ini yang memerlukan sumber tenaga yang banyak.

"Manakala populasi dunia pula yang turut bergantung kepada sumber tenaga untuk meneruskan kehidupan seharian pada 2030 dijangka mencecah lapan bilion berbanding tujuh bilion pada waktu ini," ujarnya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1119&pub=Utusan_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek_03.htm